



Semarak International Journal of STEM Education

Journal homepage:
<https://semarakilmu.my/index.php/sijste/index>
ISSN: 3030-5152



Implikasi *Gallery Walk* dalam Pendidikan Inklusif di Sebuah Sekolah Rendah di Miri

Implications of Gallery Walk in Inclusive Education in a Primary School in Miri

Vestly Kong Liang Soon^{1,*}, Irene Francisca Anak Buan¹

¹ Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 17 January 2024

Received in revised form 23 March 2024

Accepted 25 March 2024

Available online 16 April 2024

ABSTRACT

Gallery walk adalah satu kaedah pembelajaran berbentuk tugas secara berkumpulan yang menggalakkan penglibatan aktif murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan secara *Gallery walk* melibatkan pergerakan murid ke setiap pameran hasil kerja kumpulan lain untuk meneroka idea melalui hasil tugas yang dipaparkan pada dinding bilik darjah. Oleh hal demikian, satu kajian kes telah dilaksanakan untuk meninjau apakah implikasi penggunaan *Gallery walk* terhadap pendidikan inklusif di sekolah rendah. Kajian ini bertujuan untuk meneroka implikasi *Gallery walk* terhadap pelaksanaan, pengetahuan dan kebimbangan guru pendidikan inklusif di sebuah sekolah rendah di Miri. Kajian ini hanya melibatkan strategi pembelajaran *Gallery walk* dalam pendidikan inklusif sahaja. Data kajian ini diperoleh menerusi temu bual separa berstruktur, pemerhatian, dan analisis dokumen yang dikumpulkan secara kualitatif dan dianalisa menggunakan kaedah triangulasi data. Hasil kajian mendapati kedua-dua responden komited dalam pelaksanaan dan mempunyai pengetahuan berkenaan *Gallery walk* dalam PDPC. Namun demikian terdapat kebimbangan dalam prasarana sekolah yang terhad. Bagi memaksimumkan persekitaran pendidikan inklusif yang kondusif, guru boleh melaksanakan *Gallery walk* dengan cara menyesuaikan tahap keupayaan MBPK dengan aktiviti atau tugas semasa PDPC di stesen fizikal atau bilik darjah. Selain itu, kesediaan rakan inklusif bersama MBPK dalam menjayakan kolaborasi pendidikan inklusif juga memainkan peranan penting dalam penggunaan *Gallery walk*. Diharapkan kajian melibatkan *Gallery walk* dalam program pendidikan inklusif seperti kokurikulum dapat diberikan perhatian pada masa depan.

Gallery walk is a learning method in the form of group assignments that encourages the active involvement of students during teaching and learning sessions. Gallery walk approach involves students moving to each exhibition of other groups' work to explore ideas through the results of assignments displayed on the classroom wall. Therefore, a case study was carried out to examine the implications of the use of Gallery walk on inclusive education in primary schools. This study aims to explore the implications of Gallery walk on the implementation, knowledge and concerns of inclusive education teachers in a primary school in Miri. This study only involves the Gallery walk learning

* Corresponding author.

E-mail address: vestly@fpm.upsi.edu.my

Kata Kunci:

Implikasi; *Gallery walk*; pendidikan inklusif; sekolah rendah

Keywords:

Implication, *Gallery walk*, education, inclusive, primary school

*strategy in inclusive education. Data for this study were obtained through semi-structured interviews, observations, and document analysis that were collected qualitatively and analyzed using the data triangulation method. The results of the study found that both respondents are committed to the implementation and have knowledge about *Gallery walk* in PDPc. However, there are concerns about the limited school infrastructure. In order to maximize a conducive inclusive education environment, teachers can implement *Gallery walk* by adjusting the ability level of MBPK with activities or tasks during PDPc at physical stations or classrooms. In addition, the willingness of inclusive partners with MBPK in making inclusive education collaboration a success also plays an important role in the use of *Gallery walk*. It is hoped that studies involving *Gallery walks* in inclusive education programs such as extracurriculars can be given attention in the future.*

1. Pendahuluan

Pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) yang diperkenalkan KPM sejak tahun 2014 merupakan langkah awal bagi melahirkan generasi yang dapat menyumbangkan idea bagi menentukan masa depan negara menjelang 2050. Penekanan terhadap proses pembelajaran bertepatan dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Para guru wajar menggunakan aktiviti pembelajaran *Gallery walk* seiring dengan permintaan PAK-21. Dari hal itu, semua guru perlu menjadi ejen perubahan dan *role model* kepada guru-guru lain dengan melaksanakan PAK-21 melalui penggunaan aktiviti *Gallery walk* dalam pendidikan inklusif.

Perubahan baru dalam dunia pendidikan melalui PAK-21 dikatakan sebagai proses pembelajaran yang berpusatkan kepada murid kerana meletakkan minat murid sebagai keutamaan dengan bimbingan guru. Terdapat beberapa elemen yang diterapkan iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Elemen-elemen ini juga disebut sebagai standard asas dalam PAK-21.

2. Pengenalan

2.1 *Gallery Walk* dalam Pendidikan Inklusif

Kajian ini adalah bertujuan untuk membantu guru pendidikan khas meneroka *Gallery walk* sebagai salah satu pendekatan dalam PAK-21 yang memberi impak kepada pendidikan inklusif di sebuah sekolah rendah di Miri. *Gallery walk* Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) menjadi medium penyebaran maklumat meningkatkan pemahaman berkaitan Pendidikan Inklusif (PI) warga sekolah dan komuniti. Dengan adanya PI penyertaan dan peluang kepada MBPK bagi mengikuti program akademik dan bukan akademik bersama-sama murid di arus perdana dapat dipertingkatkan. Selain itu, PI juga dapat memberi kesedaran kepada masyarakat dalam menerima potensi MBPK dan percaya bahawa ketidakupayaan mereka boleh diminimalkan jika diberi peluang yang sama. Terdapat dua pendekatan yang diamalkan dalam PI di Malaysia iaitu inklusif penuh dan inklusif separa. Kaedah *Gallery walk* memerlukan pergerakan murid bersama ahli dalam kumpulan masing-masing yang akan bergerak ke pameran hasil kerja atau tugas ahli kumpulan yang lain. Walaupun pembelajaran *Gallery walk* merupakan pembelajaran *active learning* yang mampu meningkatkan interaksi murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlaku di dalam kelas, tanpa pendedahan pengetahuan guru berkaitan pendekatan dan strategi pembelajaran *Gallery walk*, ia boleh mengundang kesan kepada pembelajaran murid di dalam kelas inklusif. Setiap MBPK memerlukan pendekatan yang berbeza bersesuaian dengan tahap keupayaan atau kecenderungan mereka. Di dalam sebuah kelas PPKI sekurang-kurangnya terdapat lapan ke sembilan orang MBPK yang perlu guru kawal dan ajar dengan bantuan Pembantu Pengurusan Murid. Kekangan ini memberi cabaran kawalan bilik darjah

kepada guru pendidikan inklusif disamping menjalankan tugas hakiki menyampaikan pengetahuan atau kemahiran kepada murid.


Sehubungan dengan itu, guru perlu mempelbagaikan alternatif yang bersesuaian dari segi aktiviti, bahan bantu mengajar, bahan pembelajaran dan kemudahan untuk mendorong atau memberi motivasi kepada MBPK sekaligus menjayakan pendidikan inklusif. Dalam melaksanakan apa jua strategi pembelajaran pasti terdapat cabaran yang dihadapi oleh pendidik. Pengintegrasian *Gallery walk* akan menjadikan pembelajaran di dalam kelas pendidikan inklusif lebih berpusatkan murid.

Guru harus memilih kaedah pengajaran yang boleh menarik minat serta mencabar kebolehan murid, merangsang pembelajaran yang menyeronokkan serta mewujudkan perspektif positif seperti merasa penting untuk mempelajari serta berguna untuk masa hadapan. Guru perlu memikirkan semula konsep pengajaran dan merombak semula pengalaman pembelajaran murid agar mereka dapat memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21

Motivasi untuk mengubah pembelajaran konvensional kepada pembelajaran yang lebih berpusatkan kepada murid dengan kawalan dan bimbingan guru dapat dijadikan penambahbaikan kualiti pengajaran sedia ada. Pelaksanaan secara berperingkat bermula dengan peringkat pertama, guru harus faham perkara yang dimaksudkan sebagai pembelajaran *Gallery walk*. Kemudian guru akan menerangkan kepada MBPK cara mengikuti pembelajaran *Gallery walk*. Seterusnya dipraktikkan selalu supaya menjadi kebiasaan dan budaya belajar kepada murid yang aktif mahupun murid pasif yang digabungkan menjadi satu kumpulan dan berkolaborasi bersama bagi mencapai kata sepakat dalam menyelesaikan tugas yang diberi dan melaksanakan *Gallery walk* dengan berkesan.

2.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian berdasarkan kesan penggunaan *Gallery walk* dalam pendidikan inklusif separa sama ada diaplikasikan atau tidak. Masih ramai tenaga pengajar yang belum faham dan mahir untuk mengendalikan pembelajaran berpusatkan murid. Justeru itu, ramai guru lebih cenderung menggunakan kaedah konvensional berbanding pembelajaran *Gallery walk*. Hal ini demikian kerana MBPK yang ada di dalam kelas terdiri daripada pelbagai ketidakupayaan dan pelbagai tahap keupayaan.



Rajah 1. Kerangka konseptual kajian

Dalam membina kerangka kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti secara mendalam kesan penggunaan *Gallery walk* dalam pembelajaran MBPK dalam konteks pendidikan inklusif.

2.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kesan penggunaan *Gallery walk* terhadap pendidikan inklusif di sebuah sekolah di Miri.

1. Meneroka kesan pelaksanaan *Gallery walk* dalam pelaksanaan pendidikan inklusif MBPK di sebuah sekolah rendah di Miri.
2. Meneroka kesan pengetahuan guru terhadap penggunaan *Gallery walk* dalam pelaksanaan pendidikan inklusif MBPK.
3. Meninjau masalah yang dihadapi oleh guru terhadap penggunaan *Gallery walk* dalam pelaksanaan pendidikan inklusif MBPK.

2.4 Persoalan Kajian

1. Apakah kesan pelaksanaan *Gallery walk* dalam pelaksanaan pendidikan inklusif MBPK di sekolah?
2. Apakah kesan pelaksanaan guru terhadap penggunaan *Gallery walk* dalam pembelajaran pendidikan inklusif MBPK?
3. Apakah masalah yang dihadapi oleh guru terhadap penggunaan *Gallery walk* dalam pelaksanaan pendidikan inklusif MBPK?

2.5 Tinjauan Literatur

Pengkaji ingin melihat hasil dari kajian lepas yang terdahulu mengenai pembelajaran *Gallery walk*. Perbincangan kajian ini adalah berkaitan faktor-faktor yang menyumbang kepada kesan penggunaan *Gallery walk* dalam pembelajaran dan pemudahcaraan guru. Hasil-hasil penyelidikan terdahulu akan dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam memahami topik yang dibincangkan mengenai kajian secara lebih mendalam.

2.5.1 Perbincangan model dan teori *Gallery walk*

Gallery walk juga merupakan salah satu model pembelajaran berkelompok atau *cooperative learning methods*. Menurut Slavin [11] "*cooperative learning methods, students work together in four member teams to master material initially presented by the teacher*". Ini bermaksud pembelajaran koperatif adalah pembelajaran yang melibatkan sistem belajar secara kolaboratif sehingga dapat merangsang murid semasa belajar. Dari pengertian tersebut dapat disimpulkan bahawa pembelajaran koperatif adalah cara belajar dalam bentuk kelompok-kelompok kecil yang saling bekerjasama dan diarahkan oleh guru pendidikan inklusif untuk mencapai tujuan pembelajaran yang diharapkan.

Menurut Silberman [10], *Gallery walk* atau galeri pembelajaran merupakan satu cara untuk menilai dan mengingat apa yang telah dipelajari murid selama berlangsungnya pembelajaran. Metode ini baik digunakan untuk membangunkan kerja sama berkumpulan (*cooperative learning*) serta pembelajaran aktif (*active learning*), saling memberi apresiasi dan koreksi dalam belajar. Pembelajaran *Gallery walk* memberi penekanan penguasaan kemahiran PAK-21 seperti pemikiran

kritis, kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah dan kepemimpinan untuk membolehkan murid bersaing di peringkat global.

Menurut Silberman [10] *Gallery walk* merupakan galeri belajar yang merupakan suatu cara menilai dan mengingat apa yang telah murid pelajari. Kemudian diselesaikan tugas bersama ahli kumpulan dan hasil kerja kumpulan dipamerkan di dinding. Setiap kumpulan sambil berjalan pada kelompok lain akan melihat hasil kumpulan lain dan memberi komen dan pandangan.

Menurut David [9] menyatakan memaksimumkan pembelajaran *Gallery walk* dengan mengawal perbincangan berdasarkan teknik yang betul. Antara teknik yang disarankan ialah latihan berkomunikasi dan latihan kepemimpinan yang sangat penting untuk mengagihkan tugas mengikut peranan dan tanggungjawab ahli kumpulan supaya masa digunakan sebaik mungkin. PAK-21 ingin melahirkan murid yang berfikir kritis dan kreatif, dapat menyelesaikan masalah, mampu berkomunikasi, boleh berkolaborasi bersama rakan sebaya, dan juga inovatif. Hal ini menjadikan dimensi baru dalam pendekatan *Gallery walk* seiring dengan peredaran zaman dalam pembelajaran dan pemudahcaraan abad ke-21.

2.5.2 Hubungan teori pembelajaran konstruktivisme dengan penggunaan *Gallery Walk*

Pembelajaran merupakan perkara penting dalam perkembangan manusia. Menurut Lambri *et al.*, [6] teori konstruktivisme merupakan satu pandangan tentang ilmu pengetahuan, iaitu bagaimana manusia memperoleh ilmu. Teori ini merupakan satu perubahan paradigma daripada pendekatan berasaskan teori kognitif. Dalam konteks konstruktivisme, murid membina konsep sendiri, iaitu dengan menghubungkaitkan perkara yang dipelajari dengan pengetahuan sedia ada murid. Pengetahuan ini kemudiannya diaplikasikan dengan persekitaran murid.

Dalam teori konstruktivisme guru bukan hanya memberikan pengetahuan kepada murid, malah murid juga harus memainkan peranan aktif membina pengetahuan sendiri di dalam memorinya. Murid membina sendiri pengetahuan, mencari makna dan konsep melalui penglibatan secara aktif dalam aktiviti atau tugas. Langkah akhir merupakan proses menyelesaikan konsep dan idea baru dengan kerangka berfikir yang telah wujud.

Dalam menaakul pengetahuan tersebut murid juga dididik membuat hipotesis dan mempunyai kemampuan untuk mengujinya, menyelesaikan persoalan, mencari jawapan dan persoalan yang ditemuinya, mengadakan pemerhatian, dan seterusnya menjana idea baru. Dalam konstruktivisme, ilmu pengetahuan tidak diserap secara pasif daripada sesuatu sumber, sebaliknya dibina sendiri oleh individu atau kumpulan berdasarkan pengalaman mereka.

Berdasarkan tinjauan literatur, pengkaji mendapati teori konstruktivisme mempunyai hubungan yang signifikan dengan pendekatan pembelajaran *Gallery walk*. Hal ini demikian kerana teori konstruktivisme dan pembelajaran *Gallery walk* memberi penekanan lebih kepada murid dan menyatakan bahawa murid membina pengetahuan mereka secara aktif. Murid berupaya mencipta idea baharu apabila menerima maklumat dan mengubah suai pemahaman berdasarkan ilmu baharu yang diberikan kepada mereka. Dalam proses ini, gabungan idea menjadi lebih kompleks dan bernas.

Guru memainkan peranan sebagai fasilitator yang memahami struktur kognitif sedia ada murid dan menyediakan aktiviti pembelajaran seperti *Gallery walk* untuk membantu murid membina pengetahuannya. Antara unsur penting dalam pembelajaran *Gallery walk* berasaskan teori konstruktivisme ialah guru yang terlibat dalam pendidikan inklusif perlu mengambil kira pengetahuan sedia ada MBPK, kerana pembelajaran adalah hasil dari usaha murid itu sendiri secara berkumpulan.

Pembelajaran berlaku apabila pelajar menghubungkaitkan idea baru bagi menstrukturkan semula idea mereka dan pelajar berpeluang bekerjasama, berkongsi idea dan menimba pengalaman serta membuat refleksi [2]. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dulunya menumpukan

kepada kejayaan pelajar meniru dengan tepat apa yang disampaikan oleh pengajar berubah kepada kaedah PDPc yang memberi tumpuan kejayaan pelajar membina skema berkonsep berdasarkan pengalaman aktif [7]. Oleh itu, hubungan pendekatan dengan pembelajaran *Gallery walk* yang melibatkan kerjasama antara ahli kumpulan dapat menghasilkan satu tugas yang sangat bermakna. Ia sesuai dan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi setiap mata pelajaran yang dipelajari MBPK menerusi pendidikan inklusif.

2.5.3 Teori pembelajaran koperatif

Merujuk kepada pendekatan pembelajaran pelajar yang mempunyai tahap pencapaian yang pelbagai untuk bekerja dalam satu kumpulan kecil bagi mencapai matlamat yang sama [4]. Menurut Kagan (1991) *to succeed, students of today must learn to communicate dan work well with others within the full range of social situations, especially within situations involving fluid social structures, human diversity and interdependence.*

Pembelajaran koperatif didefinisikan sebagai satu proses membantu murid berinteraksi antara satu sama lain untuk mencapai matlamat khusus yang ada perkaitan dengan isi kandungan mata pelajaran. Murid bukan sahaja bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri malah juga terhadap proses pembelajaran dan pemahaman rakan lain dalam kumpulan yang sama.

3. Metodologi

Kajian ini hanya dapat dijalankan di sebuah sekolah PPKI di bahagian Miri, Sarawak. Oleh itu kajian ini tidak dapat memberi gambaran sebenar populasi di Sarawak. Justeru dapatan kajian ini juga tidak boleh digeneralisasikan ke atas bahagian-bahagian lain dan negeri-negeri lain di seluruh Malaysia yang berkemungkinan mempunyai perbezaan penggunaan, pengetahuan dan kebimbangan di sebabkan faktor geografi dan keperluan sumber manusia. Bagi mengecilkan skop bagi kajian ini, pengkaji hanya memberi penekanan kepada kesan penggunaan *Gallery walk* terhadap pendidikan inklusif berdasarkan pelaksanaan, pengetahuan dan kebimbangan guru di sekolah. Selain itu, skop kajian juga difokuskan kepada guru-guru di bahagian Miri sahaja. Seramai 2 orang guru diambil sebagai sampel daripada jumlah populasi guru pendidikan inklusif yang terlibat dengan pelaksanaan pendidikan inklusif di bahagian Miri. Seorang guru pendamping dari PPKI dan seorang lagi ialah guru inklusif dari aliran perdana.

3.1 Keadah Kajian

Reka bentuk kajian yang dipilih oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini adalah reka bentuk kaedah penyelidikan kualitatif dengan menggunakan kajian kes. Dalam hal ini pengkaji menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif sebagai pendekatan kajian yang utama kerana penyelidikan kualitatif memerlukan pemerhatian yang teliti. Kajian kualitatif tidak memerlukan bilangan responden yang banyak tetapi memperolehi maklumat yang berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel kecil dalam satu kumpulan Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat menyediakan jawapan kepada soalan-soalan dan maklumat yang tepat berkenaan kumpulan yang besar dengan menggunakan sampel yang kecil.

Dalam kajian ini, pengkaji berpendapat kaedah yang paling sesuai untuk mengutip data adalah melalui kaedah triangulasi data. Data dikutip berdasarkan soalan temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan penganalisan dokumen. Data yang diperolehi menerusi temu bual dan pemerhatian nanti akan dikumpulkan secara kualitatif dan dianalisis menggunakan kaedah

triangulasi. Rangkuman data daripada pelbagai sumber membolehkan penyumberan dapatan dibuat daripada pelbagai perspektif, dan dapat menghasilkan rujukan maklumat yang jelas serta memberikan gambaran secara terperinci.

Pengumpulan data menggunakan instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen melibatkan semua responden. Temu bual bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kekerapan penggunaan aktiviti *Gallery walk* dalam pembelajaran. Pengkaji telah membuat kajian rintis terlebih dahulu bagi membolehkan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen temu bual yang dibina. Kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis data ini dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas responden terhadap rangsangan soalan dengan lebih berkesan. Ia juga adalah kaedah terbaik untuk mengumpul data disamping membuat tinjauan keseluruhan populasi yang besar. Antara kriteria peserta kajian yang ditentukan oleh pengkaji ialah:

1. Guru yang dipilih mestilah dalam kalangan guru pendidikan inklusif sekolah rendah dalam PPKI.
2. Guru yang dipilih mestilah guru PI yang mengajar di bahagian Miri.
3. Guru yang dipilih bersetuju menjadi peserta kajian dalam penyelidikan ini sehingga kajian selesai.

Jumlah peserta kajian yang dipilih oleh pengkaji ialah dua orang guru. Bagi kajian ini, pengkaji menjalankan proses pengumpulan data secara pengulangan sehingga mencapai tahap tepu.

Berdasarkan kepada tujuan kajian yang spesifik, pengkaji mengambil kira ciri-ciri guru yang dipilih berdasarkan cadangan Penolong Kanan PPKI di sekolah tersebut. Dengan andaian Penolong Kanan yang bertanggungjawab mampu mengenali dan mencadangkan guru yang berpotensi. Kriteria peserta kajian ialah guru PPKI yang terlibat dalam PI MBPK di sekolah rendah. Peserta kajian juga menampilkan pengajaran *Gallery walk*, menerapkan koperatif dan kolaborasi dalam PDPc.

Setiap responden ditemu bual berasingan pada masa yang berlainan. Pengkaji menyoal subjek kajian berdasarkan soalan yang sama (selaras dengan objektif kajian) ke atas kedua-dua sampel supaya mereka menerima rangsangan yang sama. Ini penting bagi memastikan maklumat yang dikumpulkan daripada kedua-dua sampel dapat dibezakan dengan tepat. Temu bual individu berkesan apabila responden-responden kajian mempunyai ciri-ciri yang berbeza, di mana setiap individu memberi pendapat yang berguna dari perspektif yang berbeza. Bilangan soalan tidak banyak memudahkan pengkaji mengurus dan menganalisis data. Instrumen kajian atau alat kajian yang digunakan pengkaji ialah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen

Temu bual yang digunakan pengkaji adalah instrumen yang telah mempunyai kesahan oleh seorang pakar. Instrumen akan diberikan dahulu kepada seorang pensyarah di UPSI yang mempunyai pengalaman untuk mendapatkan kesahan kandungan Seterusnya kesahan muka kepada seorang ketua panitia yang mahir tentang PAK-21 yang mengajar di Miri. Instrumen yang dibina seterusnya akan diberikan kepada seorang pakar, dan ketua panitia untuk semakan bertujuan bagi memastikan item-item yang dibina mengikut laras soalan yang betul serta bersesuaian dengan kehendak kajian. Penggunaan teknik triangulasi dalam kaedah pengumpulan data adalah cara terbaik dalam penyelidikan kajian kes.

Dalam kajian ini, pengkaji membuat sesi pemerhatian terhadap PDPc MBPK semasa kelas PI berlangsung. Pengkaji memerhati peserta kajian dengan berada di belakang kelas pada sesi pemerhatian dan mereka menyedari kehadiran pengkaji.

Sumber dokumen seperti fail hasil kerja, buku rekod kemajuan murid, sudut *Gallery walk* di stesen fizikal atau bilik darjah penting bagi mengetahui perkara berkaitan perkembangan murid. Data

daripada dokumen membolehkan pengkaji membuat rujukan mengenai kronologi, dokumen standard, dokumen panduan dan sebagainya.

4. Dapatan Kajian

Kedua-dua responden telah memberikan respon dan kerjasama yang sangat baik serta menjawab pertanyaan yang diajukan oleh pengkaji dengan jelas. *Dapatan temu bual separa berstruktur kesan pelaksanaan Gallery walk dalam pembelajaran pendidikan inklusif dapat menggambarkan* cara guru menyediakan stesen fizikal *Gallery walk* bagi kegunaan MBPK yang terlibat. Didapati bahawa Responden A dan Responden B mempunyai pengalaman dalam menyediakan stesen fizikal *Gallery walk* sebagai pemudahcaraan pengajaran bagi murid inklusif. Kedua-dua responden menggunakan kaedah *Gallery walk* dalam pengajaran walaupun stesen fizikal *Gallery walk* Responden B menggunakan ruangan di kelas beliau sahaja, berbeza dengan Responden A yang ada stesen fizikal khas di ruang legar terbuka PPKI.

Dapatan kajian kesan pelaksanaan pula dapat memberi gambaran terhadap cara guru menggunakan bahan pengajaran stesen *Gallery walk* dalam meningkatkan potensi atau pencapaian murid inklusif. Kesimpulannya, Responden A dan Responden B memahami keupayaan dan kecenderungan murid masing-masing untuk menguasai isi pelajaran dengan menyesuaikan gaya pembelajaran murid yang terlibat dalam pendidikan inklusif. Kaedah penggabungan kemahiran, isi dan nilai dalam pengajaran menunjukkan guru melaksanakan semua unsur-unsur yang terdapat di dalam kurikulum secara elemen merentas kurikulum sesuai dengan kecenderungan atau keupayaan murid.

Dapatan kajian kesan pengetahuan guru memberi gambaran terhadap cara guru membuat persediaan dalam penggunaan *Gallery walk*. Strategi berpusatkan murid yang digunakan guru menjadi pertimbangan asas dalam membina pengajaran yang terancang. Guru memainkan peranan penting dalam memastikan objektif jangka pendek dapat dicapai melalui perancangan yang telah dibuat disamping memberi penekanan kepada pengajaran yang bermakna, kreatif dan inovatif. Oleh hal demikian, strategi, kaedah atau teknik yang hendak digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu menarik minat murid untuk belajar supaya murid bermotivasi untuk terus belajar. Guru yang peka terhadap perbezaan individu dalam kelas menyediakan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan membina motivasi atau keyakinan MBPK semasa belajar bersama rakan dalam persekitaran inklusif. Hal ini memberi peluang kepada MBPK menyertai aktiviti bersama murid perdana dan memberi peluang kepada murid perdana untuk memahami rakan istimewa tanpa diskriminasi.

Dapatan kajian kesan pengetahuan guru memberi gambaran terhadap cara guru melaksanakan aktiviti pembelajaran berpusatkan murid menggunakan kemahiran yang guru ada untuk meningkatkan penglibatan MBPK dalam *Gallery walk*. Kesimpulannya, Responden A dan Responden B mengamalkan pembelajaran koperatif dalam *Gallery walk*. Aktiviti murid secara berkumpulan dapat memastikan setiap murid memainkan peranan masing-masing sebagai ahli kumpulan bagi menjayakan aktiviti yang dilakukan. Selain membentuk semangat sebagai satu pasukan, keyakinan diri murid juga dapat diketengahkan melalui aktiviti berpusatkan murid. Selain itu, gabungan idea murid dalam kumpulan dapat meningkatkan keupayaan atau potensi murid kerana sepanjang proses membuat tugas mereka berkongsi idea berdasarkan kebolehan masing-masing.

Dapatan kajian kesan kebimbangan guru memberi gambaran cabaran yang dihadapi oleh guru dari segi peruntukan dan penyediaan stesen *Gallery walk* yang seterusnya memberi implikasi kepada pencapaian murid inklusif penuh atau separa. Kesimpulannya, Responden A dan Responden B memahami peringkat sekolah memerlukan peruntukan khas bagi menyokong usaha murni

mewujudkan stesen fizikal *Gallery walk* yang kondusif. Persekitaran yang menyokong perkembangan pendidikan inklusif dapat memberi peluang kepada MBPK memaksimumkan potensi dan berinteraksi bersama murid di arus perdana dengan meminimumkan ketidakupayaan MBPK.

Dapatan kajian kesan kebimbangan guru juga memberi gambaran terhadap cabaran yang guru hadapi dari segi penyelenggaraan stesen *Gallery walk*. Responden A dan Responden B memainkan peranan sebagai guru yang bertanggungjawab melancarkan sesi pengajaran dan pemudahcaraan melalui kaedah *Gallery walk* dalam pendidikan inklusif. Walaupun terdapat cabaran tersendiri dalam memastikan kemandirian stesen fizikal *Gallery walk*, guru tetap berusaha menggunakan kaedah yang sama kerana murid yang mengikuti *Gallery walk* mudah menguasai isi pelajaran yang disampaikan. Hal ini demikian kerana aktiviti kumpulan dengan pemantauan dan bimbingan guru memberikan motivasi secara tidak langsung semasa mengikuti aktiviti berpusatkan murid yang menyeronokkan.

4. Perbincangan dan Kesimpulan

Perbincangan adalah berkaitan dapatan kajian kualitatif serta kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pengkaji menghuraikan implikasi penggunaan *Gallery walk* terhadap pelaksanaan, pengetahuan dan kebimbangan guru dalam pendidikan inklusif.

4.1. Kesan Pelaksanaan *Gallery Walk* dalam Pembelajaran Pendidikan Inklusif

Secara umumnya, guru memainkan peranan penting dalam mengagihkan murid kepada kumpulan kecil yang terdiri daripada pelbagai kecerdasan semasa melaksanakan strategi pengajaran *Gallery walk*. Hal ini menunjukkan guru peka terhadap potensi dan kecenderungan murid dan cuba mewujudkan pembelajaran berpusatkan murid yang aktif sepanjang pembelajaran berlangsung.

Gallery walk merupakan strategi pembelajaran berbentuk perbincangan dalam kumpulan yang kecil. Guru juga tidak hanya terhad kepada *classroom setting* malah juga memilih strategi pembelajaran *Gallery walk* sebagai pemudahcaraan bagi MBPK yang mengikuti pendidikan inklusif. Murid akan bekerjasama sebagai satu kumpulan dalam menyelesaikan tugas dan bergerak dari satu stesen ke stesen yang lain.

Pendekatan pengajaran guru dan kesannya terhadap tahap pencapaian pelajar juga perlu diberi perhatian. Guru yang kreatif akan membuat perancangan awal sebelum menjalankan aktiviti supaya tugas bersesuaian dengan keupayaan murid disamping dapat menyampaikan pengajaran yang bermakna dengan cara yang menarik dan menyeronokkan terhadap murid.

4.2 Kesan Pengetahuan *Gallery Walk* dalam Pembelajaran Pendidikan Inklusif

Guru memainkan peranan penting dalam memastikan objektif jangka panjang dapat dicapai melalui perancangan yang telah dibuat disamping memberi penekanan kepada pengajaran yang bermakna, kreatif dan inovatif. Oleh hal demikian, strategi, kaedah atau teknik yang hendak digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu menarik minat murid untuk belajar supaya murid bermotivasi untuk terus belajar. Guru membuat perancangan awal aktiviti dan agihan murid ke dalam kumpulan yang terdiri daripada pelbagai kecerdasan dan tahap keupayaan murid. Strategi berpusatkan murid yang digunakan guru menjadi pertimbangan asas dalam membina pengajaran yang terancang.

Mariyaningsih [8] menyatakan *Gallery walk* ini disebut “kaedah keliling kelompok” bahawa murid-murid diberi kesempatan untuk memberikan komitmen mereka dengan mendengar pandangan serta pemikiran anggota kumpulan lain. Murid-murid dalam kumpulan yang telah

diagihkankan guru akan bekerjasama mencapai matlamat aktiviti atau tugas dengan memainkan peranan masing-masing.

Tewsbury *et al.*, [12] menyatakan *Gallery walk* ialah strategi koperatif, murid-murid digalakkan melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan. Guru yang peka terhadap perbezaan individu dalam kelas menyediakan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan membina motivasi atau keyakinan MBPK semasa belajar bersama rakan dalam persekitaran inklusif. Menurut kajian Yusnidar [13], strategi pembelajaran *Gallery walk* menunjukkan impak positif dalam meningkatkan penglibatan murid-murid dalam proses pembelajaran. Semua ahli dalam kumpulan akan terlibat secara aktif dan kreatif mengikut kebolehan masing-masing. Secara tidak langsung dapat merangsang interaksi sosial dalam kalangan murid inklusif.

4.3 Kesan Kebimbangan *Gallery Walk* dalam Pembelajaran Pendidikan Inklusif MBPK

Penyediaan stesen *Gallery walk* seterusnya memberi implikasi kepada pencapaian murid inklusif penuh atau separa. Guru menyediakan stesen fizikal *Gallery walk* yang kondusif di ruang khas atau bilik darjah menggunakan peruntukan yang diperolehi dari sekolah termasuklah PIBG. Usaha guru dalam memenuhi keperluan pembelajaran murid melalui kaedah *Gallery walk* menunjukkan guru komited menyampaikan gaya PAK-21 ke dalam pendidikan inklusif melalui persekitaran sekolah. PIBG bersetuju menyalurkan dana bagi menjayakan stesen fizikal *Gallery Walk* PPKI kerana menyedari manfaatnya kepada pendidikan inklusif dan MBPK di sekolah tersebut.

Selain itu, usaha murni guru mewujudkan persekitaran yang menyokong perkembangan pendidikan inklusif dapat memberi peluang kepada MBPK memaksimumkan potensi dan berinteraksi setanding murid di arus perdana dengan meminimumkan ketidakupayaan MBPK. Dapat disimpulkan harus guru bersedia melakukan penambahbaikan pada stesen fizikal sedia ada pada masa hadapan supaya penggunaan *Gallery Walk* akan kekal relevan dengan dunia pendidikan yang sentiasa berkembang. Guru juga berfikir terbuka untuk membina bahan bantu pengajaran yang baharu bagi suatu tempoh tertentu bagi memastikan kemandirian stesen fizikal *Gallery walk* sungguhpun terdapat cabaran dalam penyelenggaraan.

5. Rumusan

Pengkaji dapat merumuskan bahawa ketiga-tiga objektif kajian telah dijawab dalam kajian ini. Hasilnya, data yang telah diperolehi melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan kedua-dua responden menggunakan strategi pembelajaran secara *Gallery walk* dalam PDPc. Walaupun prasarana di sekolah terhad, guru komited menerapkan strategi pembelajaran secara *Gallery walk* dengan menyesuaikan tahap keupayaan MBPK dengan aktiviti atau tugas semasa PDPc di stesen fizikal *Gallery walk* atau dalam bilik darjah. Kaedah *Gallery walk* dapat dilaksanakan dalam persekitaran pendidikan inklusif yang kondusif serta kesediaan rakan inklusif di arus perdana yang memainkan peranan menjayakan kolaborasi bersama MBPK. Berikutan kajian ini mempunyai batasan, beberapa cadangan diusulkan untuk dijalankan seperti berikut. Kajian menumpukan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes yang menumpukan dapatan kajian melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian lanjutan yang dicadangkan ialah kaedah *mix method* iaitu gabungan pendekatan kualitatif dan kuantitatif untuk mendapatkan gambaran yang lebih luas.

Kajian ini dijalankan terhadap guru pendamping dan guru inklusif perdana sahaja. Kajian lanjutan yang dicadangkan melibatkan semua guru, ibubapa, rakan inklusif dan MBPK yang terlibat dalam pendidikan inklusif. Melalui kajian pengkaji dapat mendalami pandangan guru, ibubapa dan murid

terhadap penggunaan *Gallery walk* dalam pendidikan inklusif memandangkan kerjasama pihak ini juga memberi implikasi kepada perkembangan murid inklusif.

Kementerian Pendidikan Malaysia boleh menyalurkan peruntukan khas kepada pihak sekolah untuk menyediakan kemudahan di stesen fizikal *Gallery walk* yang boleh digunakan dalam pendidikan inklusif di sekolah. Peruntukan khas bagi *Gallery walk* perlu kerana guru memerlukan sumber kewangan bagi mewujudkan stesen fizikal *Gallery walk* yang kondusif. Penggunaan *Gallery Walk* ini dapat meningkatkan dan mengembangkan potensi murid melalui suasana pembelajaran yang aktif. Aktiviti di stesen ini juga dapat merangsang murid terus belajar dan bekerjasama dengan rakan inklusif mereka. Hal ini seterusnya akan meningkatkan sosialisasi antara murid perdana dan meminimumkan jurang pembelajaran antara murid perdana dengan MBPK. Seterusnya *Gallery walk* dapat meningkatkan penyertaan dan memberi peluang kepada MBPK kita untuk mengikuti program akademik dan bukan akademik bersama-sama.

Guru hendaklah memahami dasar pendidikan yang telah ditetapkan oleh KPM. Garis panduan penggunaan *Gallery walk* yang komprehensif dalam Pendidikan Inklusif sama ada penuh atau separa perlu dibangunkan supaya guru inklusif dapat memainkan peranan signifikan dalam melaksanakan pengajaran dan pemudahcaraan mengikut garis panduan daripada KPM dengan berkesan. Guru memainkan peranan penting menggunakan pengetahuan pedagoginya dengan mengaplikasikan ke dalam isi kandungan pembelajaran secara kreatif dan efektif. Selain itu kursus secara berkala juga perlu diadakan bagi memastikan guru inklusif mendapat input dan kompeten berkenaan PDPc *Gallery walk*.

Disamping itu, guru juga boleh berkolaborasi bersama pihak profesional pendidikan inklusif dalam mengendalikan MBPK dan merancang PDPc yang efisien. Guru boleh mengenalpasti strategi pengajaran yang bersesuaian dengan keperluan MBPK apabila guru mempunyai pengetahuan tambahan dan motivasi dari kumpulan profesional yang mempunyai kepakaran dalam mengendalikan MBPK. Dengan cara ini guru boleh mengadaptasi kaedah pengajaran dan bahan yang tepat dalam *Gallery walk* agar relevan dengan keupayaan MBPK bagi mencapai potensi optimum.

Rujukan

- [1] Di Sekolah Menengah Kebangsaan Senai, Johor. "Pendekatan Pengajaran Guru Dan Kesannya Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup."
- [2] Husin, Kamarudin Haji, and Siti Hajar Haji Abdul Aziz. *Pedagogi: asas pendidikan*. Kumpulan Budiman Sdn Bhd, 2003.
- [3] Husu, Jukka, and D. Jean Clandinin. "The SAGE handbook of research on teacher education." (2017): 1-1288.
- [4] Kagan, Sharon Lynn. "United we stand: Collaboration for child care and early education services." (*No Title*) (1991).
- [5] Kagan, Spencer. "The structural approach to cooperative learning." *Educational leadership* 47, no. 4 (1989): 12-15.
- [6] Lambri, Alizah, and Zamri Mahamod. "Pelaksanaan Aktiviti Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Implementation of Problem-Based Learning Activities in Malay Language Teaching and Learning Process." *PENDETA* 6 (2015): 98-117. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1160>.
- [7] Mahamod, Zamri. *Inovasi P dan P: dalam pendidikan bahasa Melayu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2012.
- [8] Mariyaningsih, Nining. "Peningkatan aktivitas dan hasil belajar akuntansi materi laporan keuangan melalui metode gallery walk duati-duata." *Dinamika Pendidikan* 9, no. 1 (2014).
- [9] Rodenbaugh, David W. "Maximize a team-based learning gallery walk experience: herding cats is easier than you think." *Advances in Physiology Education* 39, no. 4 (2015): 411-413.
- [10] Silberman, Melvin L. *Training the active training way: 8 strategies to spark learning and change*. Vol. 12. John Wiley & Sons, 2006.
- [11] Slavin, Robert E. "Cooperative Learning Theory Research and Practise." *Boston: Allyand and Bacon Publishers* 419 (1995).

- [12] Tewksbury, B., and R. H. MacDonald. "On-line course design tutorial." (2006): 2006.
- [13] Yusnidar, Yusnidar. "Penerapan Metode Gallery Walk untuk Meningkatkan Kemampuan Menulis Teks Analytical Exposition Bahasa Inggris Siswa Kelas XI IPA-1 MAN Model Banda Aceh." *Getsempena English Education Journal* 1, no. 2 (2016): 217611.